

MAHATHIR - LINDUNG

(I)

1984

PETALING JAYA, 27 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERIDR. MAHATHIR MOHAMAD YANG BIMBANG DENGAN KURANGAN PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN JEPUN, HARI INI MENGGESA JEPUN MEMBANTU MENGURUSKAN KEDUDUKAN PERDAGANGAN TAK KETARA DENGAN SIKAP ADIL DAN PENUH AZAM.

PERDANA MENTERI MAHU JEPUN MENGHENTIKAN AMALAN PEMINDAHAN PERHITUNGAN HARGA SECARA TIDAK JUJUR DAN YANG MEWUJUDKAN KETEGANGAN. JEPUN HENDAKLAH MEMASTIKAN GAMBARAN YANG LEBIH BAIK DALAM SOAL PEMINDAHAN TEKNOLOGI, PENGGUNAAN BAHAN-BAHAN TEMPATAN, PERKONGSIAN SAKSAMA DAN PENYERTAAN DARI SEGI JURU PERUNDING, KONTRAKTOR KECIL DAN PROFESIONAL, KATANYA.

MEREKA JUGA TIDAK HARUS MELUPAKAN LATIHAN DAN PEMBANGUNAN TENAGA PEKERJA, KATANYA DALAM UCAPAN YANG DISAMPAIKAN OLEH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DI KOLOKIU PERTAMA MALAYSIA-JEPUN DI SINE.

KURANGAN PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN JEPUN TIDAK TERMASUK EKSPORT MINYAK MENTAH DAN GAS MENINGKAT DARIPADA AS\$775 JUTA DALAM TAHUN 1980 KEPADA AS\$2,600 JUTA TAHUN LALU. DALAM TAHUN 1982, KURANGAN TAK KETARA BERJUMLAH AS\$379 JUTA ATAU 13 PERATUS DARIPADA KURANGAN KESELURUHAN.

MENJELANG 1983, JUMLAH ITU TELAH MENINGKAT KEPADA AS\$400 JUTA DAN TAHUN DEPAN KURANGAN TAK KETARA DIUNJURKAN KIRA-KIRA AS\$594 JUTA.

MAHATHIR - LINDUNG 2 PETALING JAYA

DATUK SERIDR. MAHATHIR MENEGUR JEPUN KERANA WACAUPUN BERSETUJU PERLINDUNGAN ADALAH BURUK TETAPI MASIH MENGAMALKAN DASAR PERLINDUNGAN DAN MENYERUNYA SUPAYA MEMBUKA PASARANNYA DEMI MENYERAPKAN LEBIH BANYAK BARANG PENGILANGAN MALAYSIA.

MALAYSIA TIDAK SANGGUP TERUS MENJADI PEMBEKAL BAHAN-BAHAN MENTAH SAHAJA, KATANYA SEBAGAI MENGULAS AMALAN MALAYSIA SEKARANG MEMBELI LEBIH BANYAK BARANGAN DARIPADA JEPUN MENERUSX PENGIMPORAN PELBAGAI JENIS BARANG PEMBUATAN, DARI KERETA HINGGA ALAT PERAKAM KASET.

DALAM TAHUN 1982, EKSPORT UTAMA MALAYSIA KE JEPUN MERUPAKAN MINYAK MENTAH, KAYU-KAYAN, TIMAH DAN MINYAK GALIAN YANG BERJUMLAH 84 PERATUS DARIPADA EKSPORTNYA KE JEPUN. JEPUN SEBALIKNYA TIDAK MEMBELI SEBARANG BARANG PENGILANGAN DARIPADA MALAYSIA.

NAMUN BEGITU, KATEGORI TERBESAR --- INJAB THERMIONIK DAN KATOD, TIUB, SEL FOTODAN DIODE -- CUMA BERJUMLAH M\$170 JUTA ATAU KURANG DARIPADA TIGA PERATUS EKSPORTNYA KE JEPUN.

+ DEMI KEADILAN, UNTUK MENGUBAH CORAK PENJAJAHAN INI, MALAYSIA BOLEH KURANG MEMBELI BARANGAN-BARANGAN TERSEBUT DAN MENGENAKAN SEKATAN SELUAS-LUASNYA KE ATAS BARANG PENGILANGAN JEPUN. TETAPI, INI BUKAN CARANYA. +

+ SAYA BUKAN MEMAKSUDKAN KAMI TIDAK BOLEH ATAU TIDAK HARUS BERUSAHA LEBIH UNTUK MENEROKAI PASARAN JEPUN. SAYA LEBIH SUKA JPKA PASARAN ITU SENDIRI LEBIH TERBUKA, + KATANYA. -- BERNAMA